

# AeU tawar Program Doktor Falsafah

» *Penuhi  
keperluan  
golongan  
profesional*

**P**rogram pascasiswazah di Asia e University (AeU) dirumus khas bagi memenuhi keperluan serta cara hidup golongan bekerja dan profesional, terutama yang berhasrat memantapkan ilmu akademik serta menjalankan kajian mengenai bidang diminati. Menuntut ilmu dan dalam waktu yang sama menaik taraf kerjaya serta pendapatan amat memerlukan komitmen dan daya tahan yang tinggi.

AeU bertekad menawarkan pengalaman program penyelidikan terbaik bagi golongan berkerjaya, terutama yang telah berkeluarga dan memiliki waktu belajar yang terhad. Melalui penyelidikan, pelajar dilatih untuk menginterpretasikan bahan-bahan pembelajaran dan menganalisis secara kritikal dalam penulisan tesis berdasarkan data-data kuantitatif mahupun kualitatif.

Program Doktor Falsafah (Sastera) adalah di antara program kedoktoran AeU yang semakin menarik minat penyarah, penyelidik, guru serta golongan profesional daripada pelbagai latar belakang dari dalam mahupun luar negara.

## **Program Ijazah Kedoktoran Falsafah dalam Sastera**

Walaupun dianggap baharu, Pusat Pengajian Siswazah AeU melakar reputasinya sebagai peneraju pengajian bidang-bidang penyelidikan sejak penubuhannya. Bidang-bidang kajian yang ditawarkan oleh Program Doktor Falsafah (Sastera) di AeU adalah merangkumi pelbagai disiplin ilmu contohnya seperti Sejarah, Falsafah, Undang-Undang, Ekonomi, Kajian Gender, Sains Politik, Sosiologi, Kajian Media dan Kajian Alam Sekitar, di mana hasil kajian adalah memfokus kepada konteks Asia mencakupi aspek humanistik dan tradisi sosial.

Meskipun begitu, pelajar boleh membuat penyelidi-



“  
*Setelah menghadiri beberapa siri kolokium, saya dapati AeU menawarkan persekitaran yang mesra pelajar selain sangat ideal bagi mereka yang berkerjaya”*

**Musa Mohd Noor,**  
Pelajar Doktor Falsafah,  
(Sastera) di AeU

kan dalam bidang yang diminati walaupun tidak ternarai di sini. Sementara itu, subjek audit yang ditawarkan adalah Kaedah Penyelidikan, Analisis Data Kuantitatif dan Analisis Data Kualitatif.

Walaupun pembelajaran dilakukan secara atas talian, pelajar digalakkan menyertai Bengkel Penyelidikan atau kolokium yang diadakan sebulan sekali. Sama ada sepenuh masa atau sambilan, tempoh pengajian Doktor Falsafah memakan masa dalam 3 tahun (12 semester) hingga 4 tahun (16 semester), bergantung kepada penyelidikan yang dijalankan. Calon perlu memiliki kelayakan ijazah sarjana yang diiktiraf oleh MQA atau sebarang kelayakan yang setaraf daripada organisasi yang diiktiraf semasa permohonan.

Pendaftaran pelajar bagi program Doktor Falsafah adalah terbuka sepanjang tahun. Pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian (Online Application) di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my) atau mendaftar di Kampus Induk, Kuala Lumpur. Anda juga boleh menghubungi kami di talian bebas tol 1 300 300 238.